

8 inisiatif berjaya dilaksanakan

SH M/S:10 28/4/19



FOTO: ZAHID IZZANI

**Kementerian
Kerja Raya
perkas khidmat
untuk rakyat
dan negara**

IZYANLIYANA MOHD DARI
KUALA LUMPUR

Kementerian Kerja Raya komited memperkas perkhidmatan dan memperkenalkan pelbagai inisiatif kepada rakyat selari dengan hasrat Kementerian, Ke Arah Kesejahteraan Rakyat.

Menterinya, Baru Bian berkata, bertindak sebagai peneraju dalam industri pembinaan negara, pihaknya dengan kerjasama agensi di bawah kementerian sentiasa peka akan keperluan industri.

"Kami akan memastikan industri pembinaan bukan sahaja berkembang pesat di Malaysia, malah berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Selain itu, kementerian juga berusaha mengutamakan agenda kesejahteraan rakyat meskipun berdepan pelbagai cabaran khususnya keadaan ekonomi negara yang masih dalam proses pemulihan," katanya pada sidang akhbar di sini pada Jumaat lalu.

Baru Bian ditemu bual oleh wartawan mengenai pencapaian Setahun Pakatan Harapan di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur.

Menyeronangkan penggunaan jalan raya

Baru berkata, dalam tempoh setahun memimpin Kementerian Kerja Raya selepas Pakatan Harapan (PH) mengambil alih kerajaan sejak 9 Mei tahun lalu, sebanyak lapan inisiatif berjaya dilaksanakan.

Tiga daripada inisiatif itu ialah pemansuhan tol motosikal, Sarawak Sabah Link Road dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) IMPACT.

Baru memberitahu, pemansuhan tol motosikal yang berkuatkuasa pada 1 Januari lalu melibatkan dua laluan di Pulau Pinang iaitu Jambatan Pulau Pinang (JPP) dan Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (JSAHMS) serta Pla-

za Tol Lebuhraya Linkerdua Tanjung Kupang, Gelang Patah di Johor. "Pemansuhan ini membolehkan 20,000 pengguna motosikal setiap hari di JPP dan Plaza Tol Lebuhraya Linkerdua Tanjung Kupang (50,000 pengguna) menikmati laluan tanpa tol, 19 tahun lebih awal daripada tempoh ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi Lebuhraya.

Penduduk Sarawak dapat manfaat

Mengulas mengenai Sarawak Sabah Link Road pula, Baru merangkap Ahli Parlimen Selangau menjelaskan, Projek Pan Borneo yang menghubungkan Sarawak dan Sarawak itu akan melalui jajaran baharu tanpa melibatkan Brunei Darussalam.

"Jajaran baharu sepanjang 41.5 kilometer ini akan bermula dari Long Lama

8 inisiatif Kementerian Kerja Raya

- 1 Pemansuhan tol motosikal di jambatan pertama dan kedua di Pulau Pinang serta Lebuhraya Leluan Kedua, Johor pada 1 Januari 2019
- 2 Jajaran baharu Sarawak Sabah Link Road yang tidak perlu melalui negara Irian, Brunei Darussalam
- 3 CIDB IMPACT program yang menyediakan Sistem Binaan Berindustri (IBS) bagi melorotkan pertumbuhan industri pembinaan Malaysia
- 4 Program promosi Akademi Binaan Malaysia dan kempen menggalakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kepada belia negara menelusuri Jelajah TVET Pembinaan
- 5 CIDB INFRASTAR atau Peneraian Infrastruktur, Mampuan yang mengukur tahap kemampuan setiap projek infrastruktur negara supaya tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar
- 6 CIDB melancarkan Malaysian Standard MS 2701:2018 yang sebelum ini dikenali sebagai Ukuran Kaedah Plawai Kejuruteraan Awam Malaysia (MyCESMM)
- 7 Menubuhkan CIDB Sibru yang merupakan cawangan keempat di Sarawak dan ke-20 di Malaysia
- 8 Malaysia menjadi tuan rumah bagi PIARC International Seminar on Bridge dan Road Safety yang dihadiri 350 peminat industri jalan raya tempatan dan luar negara

Sarawak Sabah Link Road akan melalui kawasan pedalaman bagi membolehkan para penduduk di sana mempunyai jaringan perhubungan.

Naik taraf kualiti IBS

Berbicara mengenai inisiatif IMPACT yang dilancarkan CIDB pada 17 Januari lalu, Baru berkata, ia merupakan satu program penilaian dan pensijilan bagi Sistem Binaan Berindustri (IBS).

"Program CIDB IMPACT ini bersifat holistik yang memberikan verifikasi, validasi, pengujian dan pensijilan produk dan komponen mengikut ukuran ditetapkan CIDB bagi memastikan produk IBS berkualiti tinggi dan diiktiraf.

"Pada masa sama, turut memastikan setiap pemain industri IBS sentiasa mematuhi kepada penetapan yang telah diwajibkan, katanya.

Secara tidak langsung, CIDB IMPACT memberikan keuntungan kepada rakyat apabila berpeluang menggunakan produk IBS terbaik dan mengelakkan kerugian terosakan selepas pembinaan.

"Penggunaan IBS yang lebih efektif oleh industri pembinaan juga diharapkan memudahkannya dan mempercepat proses pembinaan khususnya rumah mampu milik," ujarnya.